# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# KHAMIS 26 JANUARI 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | CHICKEN SUPPLY IN COUNTRY STABLE, NATION, KWONG WAH YIT POH -A3 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS) |
| 2. | MAT SABU: MONITORING THE SITUATION TO ENSURE THAT CHICKEN MARKET NOT AFFECTED BY BIRD FLU, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A4 | |
| 3. | MINISTER: GOVT TO FIND WAYS TO STABILISE PORK PRICES, NATION, CHINA PRESS -A3 | |
| 4. | GOVT TAKING MEASURES TO ENSURE STABLE CHICKEN SUPPLY, NATION, CHINA PRESS -A3 | |
| 5. | MAT SABU: CHICKEN SUPPLY SUFFICIENT, NATION, SIN CHEW DAILY -8 | |
| 6. | MAT SABU: CHICKEN SUPPLY NOT AFFECTED BY BIRD FLU OUTBREAK IN EUROPE, US, WEST MALAYSIA, SEE HUA DAILY NEWS -1 | |
| 7. | BEEF FOR RAYA, PORK FOR CNY, NEWS, GUANG MING DAILY -A5 | |
| 8. | WABAK SELSEMA BURUNG DIPANTAU, LOKAL, HM -17 | |
| 9. | KAJIAN PEMBERIAN SUBSIDI DI PERINGKAT AKHIR, LOKAL, NEWS -17 | |
| 10. | BEKALAN STABIL, TIADA KES SELSEMA BURUNG, NEGARA, KOSMO -16 | |
| 11. | BEKALAN AYAM TIDAK TERJEJAS DENGAN PENULARAN SELSEMA BURUNG, NASIONAL, SH -11 | |
| 12. | KERAJAAN PASTIKAN BEKALAN AYAM TIDAK TERJEJAS, DALAM NEGERI, UM -8 | |
| 13. | KERAJAAN PASTIKAN BEKALAN AYAM NEGARA TAK TERJEJAS, NASIONAL, BH -7 | |
| 14. | CHICKEN SUPPLY UNAFFECTED BY BIRD FLU OUTBREAK, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3 | |
| 15. | GOVT TO REVEAL NEW TARGETED SUBSIDY, NEWS, NST -5 | |
| 16. | 835 TAN JAGUNG DITUAI TAHUN LALU, DALAM NEGERI, UM -5 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 17. | BIMBANG HASIL HARUMANIS TERJEJAS, NEGARA, KOSMO -14 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 18. | PERCEPAT ATASI KOS SARA HIDUP TINGGI, NASIONAL, SH -3 | LAIN-LAIN |
| 19. | EMPAT KEMENTERIAN AKAN DUDUK SEMEJA, NASIONAL, SH -2 | |

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Chicken supply in country stable | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 26 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A3 | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 95 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,065 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,195 |






而年轻人却很少，出现青黄不接现象。今有约300名会员，但都是上了年纪的人，文化奖，成立至今差不多有200年历史，如不久前新会会馆获得州政府颁发百年遗产

## 末沙布：不受欧美禽流感影响

# 国内鸡肉供应稳定



莫哈末沙布。

（亚罗士打25日讯）农业及粮食安全部长莫哈末沙布指出，国内鸡肉不受美国及欧洲蔓延的禽流感疫情影响，目前鸡肉供应稳定。

他说，尽管我国还未通报任何禽流感病例，但该部不时监督禽流感蔓延情况。

他表示，目前国内鸡肉供应稳定，希望未来继续保持稳定，禽流感疫情目前没有对国家鸡肉供应构成任何影响。

莫哈末沙布于周三巡视一间鸡肉销售中心后，针对数个国家爆发禽流感而被迫销毁数以万计鸡只事件，对记者这么说。

此外，莫哈末沙布说，我国鸡肉和鸡蛋供应涉及动物饲养，仍在恢复阶段及需要时间。

"这是生物，不能制定日期。如果建路，我们可以告知在7月可以竣工，但关于食物课题，我们保证有供应及售价依据当时市场价格而定。"

针对提供目标式补贴予鸡农，莫哈末沙布说，该部正在与数个部门包括财政部和国内贸易与生活成本部讨论此事，目前在最后研究阶段，预计将在近期公布。

"这补贴已运作许久及要求重新检讨，如果我们接获投诉有关补贴没有到达目标群手中，官员将采取行动。"#

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Mat Sabu: Monitoring the situation to ensure that chicken market not affected by bird flu | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 26 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A4 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 191 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,403 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,209 |



## 末沙布：派专员监督

# 鸡肉市场严防禽流感

（亚罗士打25日讯）随著美国和欧洲等国爆发严峻禽流感疫情，我国政府正采取预防措施，确保国内的鸡肉供应不受影响。

农业及粮食安全部长莫哈末沙布说，该部一直有专员在监督鸡肉供应市场，会确保鸡肉供应稳定，因此国人不需对欧美禽流感问题而感到担忧。

莫哈末沙布今日巡访十字港鸡肉商Ayam Bismi有限公司宰鸡场后，受询时这么表示。

据媒体报道，禽流感疫情大规模肆虐欧美国家，我国向来从欧美国家进口种鸡/父母种，因此预料家禽业可能陷入危机，鸡肉供应或会在6月减少40%。

此外，莫哈末沙布说，政府保证，本地的鸡肉和鸡蛋供应正处于逐步恢复的过程中。

"鸡肉和鸡蛋供应正在恢复，这是生物的问题，我们无法确定（何时解决的）日期，但我们正在努力。"

针对重组补贴事宜，他说，该部已与国内贸易及生活成本部、经济部、财政部进入最后商讨阶段，预料近期内即可做出宣布。

他也保证日后不会发生错发补贴的事件，若有发生可向官员反映，该部必采取行动。




莫哈末沙布（左二）巡视十字港宰鸡场，了解鸡肉供应市场情况。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Minister: Govt to find ways to stabilise pork prices | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 26 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A3 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 186 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,669 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,007 |






■莫哈末沙布（左2）巡视鸡肉供应商作业情况。

# 農長：豬瘟爆發
# 設法穩定豬肉價格

（亚罗士打25日讯）农业及粮食安全部长莫哈末沙布说，国内华社在春节对猪肉有需求，因此政府在养猪场爆发猪瘟时，会设法寻找方案来稳定猪肉价格。

他形容，虽然猪肉不是我国主要族群食用的食材，但作为全民的政府，就必须考虑到各族在节庆的食材需求和价格，就如巫裔在开斋节不可没有仁当牛肉，华裔也是需要猪肉过年 。

他指出，最近国内发生的猪瘟事件，当局杀死养猪场的猪只避免猪瘟传播，导致今年新年来临前的猪肉涨价，而政府在这方面必须进口猪肉来应付过年的需求。

莫哈末沙布今日在亚罗士打国家电视台的吉打电台（Kedah FM）接受访问时， 这么说。

他说，为了保障粮食安全，政府正探讨开发土地种植玉米 ，作为养鸡场的饲料，以稳定鸡肉和鸡蛋的供应。

“最近2年所关注的课题，特别是在新冠肺炎疫情后，鸡肉和鸡蛋的价格上涨，原因是我国在过去以来太依赖进口饲料，包括玉米和黄豆而增加了饲养成本。”

他说，政府正探讨如何降低养鸡场的饲料成本，而副首相阿末扎希主导的乡村及区域部和其他相关部门也愿意参与这项计划，确保我国的食物安全受保障。

Powered by: isentia

| Headline | Govt taking measures to ensure stable chicken supply | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 26 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A3 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 108 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,130 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,390 |



## 末沙布：歐美爆禽流感

# 採措施穩定雞肉供應

（亚罗士打25日讯）随著美国和欧洲等国爆发严峻禽流感疫情，我国政府正在采取预防措施，以确保国内的鸡肉供应不受影响。

农业及食品安全部长莫哈末沙布声称，尽管我国至今没有记录到任何与禽流感有关的病例，但政府会不断研究和监测疫情传播的最新进展，

“我们不时观察和检讨此事，目前鸡肉供应稳定，未来我们希望它（供应）继续保持稳定。”

他说，至今禽流感疫情并未影响我国的鸡肉供应。

莫哈末沙布今日在吉北十字港，参观一家肉鸡供应公司后，在记者会这么说。

媒体早前报导，国家即将面临严重的粮食安全威胁，预计到今年6月鸡肉供应将减少40%。

如果鸡肉短缺真的发生，市场上的肉鸡供应量从每天220万只减少到130万只，即出现90万只肉鸡短缺。

据了解，我国依赖从欧盟（EU）和美国进口种鸡，但鉴于可能威胁人类生命的流行病，该国预计将收紧种鸡出口。

另外，莫哈末沙布说，政府保证，本地的鸡肉和鸡蛋供应正处于逐步恢复的过程中。

“鸡肉和鸡蛋供应正在恢复，这是生物的问题，我们无法确定（何时解决）的日期，但我们正在努力。”

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Mat Sabu: Chicken supply sufficient | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 26 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 8 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 180 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,422 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 16,266 |



# 雞肉供應足別擔心

## 末沙布：不受歐美禽流感影響




莫哈末沙布（左一）巡视十字港宰鸡场后，指我国鸡肉供应不受欧美国家严重禽流感疫情影响。（马新社图）

（亚罗士打25日讯）农业及粮食安全部长莫哈末沙布今日派定心丸，指我国养鸡场不受欧美国家严重禽流感疫情影响，并表示国内鸡肉供应稳定，国民勿忧。

他说，该部一直都有专员监督市场，确保鸡肉供应稳定，国人不需要因为欧美禽流感问题而担忧。

莫哈末沙布今日巡访十字港鸡肉商Ayam Bismi有限公司的宰鸡场后强调，该部官员已在监督鸡肉供应情况，不会因欧美问题而面临危机。

根据《马来西亚前锋报》今日报道，禽流感疫情大规模肆虐欧美国家，我国一向依靠从欧美国家进口种鸡（Parent Stock），因此预料家禽业可能陷危机，鸡肉供应或会在6月减少40%。

### 近期宣布重组津贴

莫哈末沙布说，鸡肉是生物，无法给予准确日期，只能保证直到7月供应都不会短缺，价格也会跟随市价起落。

至于重组津贴事宜，他说，该部已与内贸部、经济部、财政部进入最后商讨阶段，近期即可作出宣布。

他保证今后不会发生津贴错发事件，若再发生则可向官员反映，必会采取行动。

# 『豬肉是新春必備食材』

## 如開齋節不可沒牛肉

另一方面，莫哈末沙布表示，虽然猪肉不是我国主要族群食用的食材，但是华社需要猪肉过年，因此政府在养猪场发生猪瘟时，都在寻策稳定猪肉的价格。

他说，就如马来人在开斋节不可没有仁当牛肉，政府必须考虑到各族节庆食材的需求和价格。

他指出，最近国内发生的猪瘟事件，当局杀死养猪场的猪只避免猪瘟蔓延，导致今年农历新年来临前的猪肉涨价，政府在这方面必须进口猪肉应付需求。

莫哈末沙布今日在亚罗士打国营电视台的吉打电台（Kedah FM）接受访问时，陈述政府确保粮食安全的态度。

### 开发土地种玉米 不依赖进口饲料

他也说，为了保障粮食安全，政府正探讨开发土地种植谷物玉米，作为养鸡场的饲料来稳定鸡肉和鸡蛋的供应。

“最近2年所关注的课题，特别是在冠病疫情后，鸡肉和鸡蛋的价格上涨，原因是我国在过去太依赖进口饲料，包括玉米和黄豆因而增加了成本。”

他也说，政府正在探讨如何降低养鸡场的饲料成本，副首相拿督斯里阿末扎希主导的乡村及区域部和其他相关部门也愿意参与这项计划，确保我国的食物安全受保障。

Powered by: isentia

| Headline | Mat Sabu: Chicken supply not affected by bird flu outbreak in Europe, US | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | See Hua Daily News | | |
| Date | 26 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | West Malaysia | Circulation | 63,549 |
| Page No | 1 | Readership | 190,647 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 87 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 975 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 2,925 |



# 歐美爆發禽流感
# 末沙布：雞肉供應不受影響

（亚罗士打25日讯）农业及粮食安全部长莫哈末沙布指出，目前我国鸡肉供应稳定，不受美国及欧洲爆发的禽流感疫情影响。

他说，尽管我国至今还未通报任何禽流感病例，但该部仍会不时监督禽流感蔓延的情况。

「目前国内鸡肉供应稳定，希望未来继续保持稳定，禽流感疫情目前没有对我国鸡肉供应构成任何影响。」

莫哈末沙布今日在吉北十字港巡视一家鸡肉销售中心后，针对数个国家爆发禽流感而被迫销毁数以万计鸡只事件，在记者会上作出回应。

他说，我国鸡肉和鸡蛋供应涉及动物饲养，仍需要时间，目前处於恢复阶段。

「这是生物，不能制定日期。关於食物课题，我们保证有供应及售价依据当时市场价格而定。」

询及提供目标式补贴予鸡农课题，他指出，该部正在与数个部门，包括财政部和国内贸易与生活成本部讨论此事，目前处於最后研究阶段，预计将在近期公布。

他补充，这项补贴已运作许久及要求重新检讨，如果该部接获投诉，有关补贴没有到达目标群手中，官员将采取行动。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Beef for Raya, pork for CNY | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 26 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A5 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 263 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,961 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,883 |





■莫哈末沙布（左）巡视养鸡场。

# 開齋要牛肉新春需豬肉

## 農長:穩定節慶食材價格

（亚罗士打25日讯）农业及粮食安全部长莫哈末沙布说，虽然猪肉不是我国主要族群食用的食材，但是华社也需要猪肉过年，因此政府在养猪场发生猪瘟时应设法寻找方案来稳定猪肉的价格。

他形容，就如马来人在开斋节不可没有仁当牛肉，华裔需要猪肉过年，政府必须考虑到各族在节庆的食材需求和价格。

他指出，最近国内发生的猪瘟事件，当局杀死养猪场的猪只避免猪瘟蔓延，导致农历新年来临前的猪肉涨价，而政府在这方面必须进口猪肉来应付需求。

### 全民政府须尽的责任

"就如马来人庆祝开斋节不能没有仁当牛肉，华人需要猪肉过年，所以我们必须相互补充（供应），这才是全民政府必须尽的责任。"

莫哈末沙布周三在亚罗士打国营电视台的吉打电台（Kedah FM）接受访问时，说明政府如何确保粮食安全。

他说，为了保障粮食安全，政府正探讨开发土地种植谷物玉米（grain corn)，作为养鸡场的饲料来稳定鸡肉和鸡蛋的供应。

"最近2年所关注的课题，特别是在新冠肺炎疫情后，鸡肉和鸡蛋的价格上涨，原因是我国在过去太依赖进口饲料，包括玉米和黄豆而增加了成本。"

他说，政府正探讨如何降低养鸡场的饲料成本，而副首相拿督斯里阿末扎希主导的乡村及区域部和其他相关部门也愿意参与这项计划，确保食物安全受保障。（CSH）

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/1/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 17 |




MOHAMAD ketika ditemui selepas mengadakan Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat, semalam. - Gambar NSTP/NOORAZURA ABDUL RAHMAN

PASTIKAN BEKALAN AYAM STABIL

# Wabak selesema burung dipantau

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

**Alor Setar**

Kerajaan mengambil langkah berjaga-jaga memastikan bekalan ayam dalam negara tidak terjejas susulan penularan wabak selesema burung yang dilapor berlaku di Amerika Syarikat dan Eropah ketika ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu berkata, pihaknya sentiasa meneliti dan memantau perkembangan terkini penularan wabak berkenaan, walaupun Malaysia belum mencatat sebarang kes berkaitan selesema burung.

"Kita melihat dan meneliti masalah ini (wabak selesema burung) dari semasa ke semasa, memang buat masa sekarang keadaan (bekalan) ayam adalah stabil dan bagi masa akan datang, kita harap ia (bekalan) terus stabil.

> Kita melihat dan meneliti masalah ini (wabak selesema burung) dari semasa ke semasa
> Sabu

"Setakat ini wabak selesema burung ini belum beri kesan kepada bekalan ayam negara," katanya ketika ditemui selepas melawat Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat di sini, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan media bahawa negara bakal berdepan ancaman keselamatan makanan serius berikutan bekalan ayam seluruh negara dijangka menyusut 40 peratus menjelang Jun tahun ini.

Sementara itu, Mohamad memaklumkan, kerajaan memberi jaminan bahawa bekalan ayam dan telur tempatan kini dalam proses pemulihan secara berperingkat.

"(Bekalan) ayam dan telur sedang pulih, dia masalah benda hidup ini kita tak boleh letak tarikh (bila akan selesai), namun kita sedang berusaha.

"(Contoh) jalan raya, kita boleh cakap jalan ini siap pada bulan Julai, tetapi hal makanan ini kita jamin ia ada (di pasaran) dan harganya ikut pasaran pada waktu itu. Dia soal benda hidup, setakat ini kita tidak ada masalah bekalan," katanya.

## Kajian pemberian subsidi di peringkat akhir

**Alor Setar:** Kerajaan dalam peringkat akhir kajian bagi menentukan kaedah berkesan dalam pemberian subsidi penternak ayam daging dan ayam penelur sebelum ia dapat dilaksanakan semula.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu, berkata keputusan mengenai kaedah pemberian subsidi berkenaan dijangka akan dimuktamadkan dalam tempoh terdekat sebelum pengumuman mengenainya dapat dibuat.

"Perkara itu sedang dibincang di peringkat beberapa kementerian, kita kena duduk bersama Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta beberapa kementerian berkaitan lain.

"Subsidi kepada penternak ini sudah lama berjalan dan ada permintaan supaya dikaji subsidi ini supaya pergi kepada subsidi bersasar. Ini di peringkat kajian akhir, ia akan diumumkan pada masa terdekat, nantilah keputusan itu," katanya selepas melawat Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat, di sini, semalam.

Sebelum ini, kerajaan bersetuju meneruskan pemberian subsidi kepada penternak ayam dan pengeluar telur ayam hingga Disember 2022 pada kadar 80 sen sekilogram (kg) bagi ayam daging dan lapan sen bagi sebiji telur.

Bekas Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, keputusan itu dibuat bagi meringankan beban penternak susulan peningkatan kos pengeluaran yang berterusan terutama kos makanan ayam yang meliputi 70 peratus dari kos pengeluaran selain kos anak ayam, logistik, pekerja, utiliti dan ubatan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/1/2023 | KOSMO | NEGARA | 16 |




**MOHAMAD (dua dari kiri) melancarkan jualan murah ayam proses segar di Syarikat Ayam Bismi di Simpang Empat Kangkung, Alor Setar semalam.** – SHAHIR NOORDIN

## Kerajaan ambil langkah berjaga-jaga elak wabak

# Bekalan stabil, tiada kes selesema burung

**Oleh JAMLIAH ABDULLAH**

**ALOR SETAR** – Kerajaan akan mengambil langkah berjaga-jaga memastikan bekalan ayam di negara ini tidak terjejas ekoran penularan wabak selesema burung yang melanda dunia ketika ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu berkata, pihaknya akan meneliti masalah kekurangan bekalan ayam di setiap rantaian untuk memastikan ia kekal stabil.

Katanya, wabak tersebut yang dilaporkan melanda utara Eropah dan Amerika Syarikat juga belum dikesan di negara ini.

"Setakat ini selesema burung ini tidak memberi kesan kepada Malaysia. Setakat ini tak ada wabak dan kita meneliti masalah ini (kekurangan bekalan ayam).

"Masalah ini berlaku sentiasa dan pihak kita sedang melihat dari semasa ke semasa. Memang buat masa sekarang keadaan bekalan ayam ini stabil, masa akan datang kita harap ia terus stabil," katanya ketika ditemui selepas melawat Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat Kangkong, di sini semalam.

Mohamad mengulas berhubung ancaman keselamatan makanan serius ekoran bekalan ayam di seluruh negara dijangka menyusut 40 peratus menjelang Jun ini.

Masalah bekalan itu dijangka berlaku ekoran penularan wabak selesema burung yang serius hampir di seluruh dunia ketika ini.

Beliau memberitahu, bekalan ayam di seluruh negara ketika ini adalah stabil untuk kegunaan orang ramai.

"Setakat ini tak ada masalah (bekalan ayam) boleh beli di mana sahaja," jelasnya.

Menyentuh tentang isu kekurangan bekalan telur, katanya, ia akan selesai dalam masa terdekat.

Sementara itu, beliau berkata, kajian untuk meneruskan atau menghentikan pemberian subsidi kepada penternak ayam dan ayam penelur kini berada di peringkat akhir.

"Sebab subsidi ini sudah lama berjalan dan ada permintaan supaya dikaji subsidi ini supaya pergi kepada subsidi bersasar," tambahnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/1/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 11 |

# Bekalan ayam tidak terjejas dengan penularan selesema burung




Mohamad (kiri) menunjukkan ayam segar yang dijual ketika mengadakan lawatan ke Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat, Alor Setar pada Rabu.

**ALOR SETAR -** Kerajaan mengambil serius penularan wabak selesema burung di Amerika Syarikat dan negara Eropah bagi memastikan bekalan ayam negara tidak terjejas.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu berkata, pihaknya sedang meneliti dan memantau penularan wabak itu walaupun Malaysia belum mencatatkan kes berkaitan wabak berkenaan.

Katanya, kementerian ketika ini turut memberi jaminan wabak selesema burung itu belum memberi kesan kepada bekalan ayam negara.

"Kita melihat dan meneliti masalah ini dari masa ke masa tapi memang buat masa sekarang keadaan (bekalan) ayam ini stabil, masa akan datang kita harap ia terus stabil," katanya ketika ditemui selepas mengadakan lawatan ke Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat di sini pada Rabu.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan media mengenai dakwaan negara berdepan ancaman keselamatan makanan serius kerana bekalan ayam seluruh negara dijangka menyusut 40 peratus menjelang Jun tahun ini.

Sementara itu, Mohamad berkata, kerajaan memberi jaminan bekalan ayam dan telur akan pulih.

"Ayam dan telur Insya-ALLAH sedang pulih. Masalah benda hidup ini kita tak boleh letak tarikh, kita sedang berusaha," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/1/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 8 |




MOHAMAD Sabu (dua kiri) melancarkan jualan murah ayam proses segar ketika melakukan lawatan kerja ke Syarikat Ayam Bismi di Simpang Empat Kangkong, Alor Setar, semalam. - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

# Kerajaan pastikan bekalan ayam tidak terjejas

**ALOR SETAR:** Kerajaan mengambil langkah berjaga-jaga untuk memastikan bekalan ayam di negara ini tidak terjejas ekoran penularan wabak selesema burung yang melanda dunia ketika ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu berkata, pihaknya akan meneliti masalah kekurangan bekalan ayam di setiap rantaian untuk memastikan sumber protein itu kekal stabil.

Malah beliau berkata, wabak berkenaan yang dilaporkan melanda utara Eropah dan Amerika Syarikat belum dikesan di negara ini.

"Setakat ini selesema burung tidak memberi kesan kepada Malaysia. Setakat ini tak ada wabak. Kita meneliti masalah ini (kekurangan bekalan ayam). Masalah ini berlaku sentiasa dan pihak kita sedang melihat dari masa ke semasa.

"Memang buat masa sekarang keadaan bekalan ayam ini stabil, masa akan datang kita harap ia terus stabil," katanya selepas melawat Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat Kangkong, di sini.

Mohamad mengulas aporan *Utusan Malaysia* mengenai negara yang berdepan ancaman keselamatan makanan serius ekoran bekalan ayam seluruh negara dijangka menyusut 40 peratus menjelang Jun ini.

Masalah bekalan itu dijangka berlaku ekoran penularan wabak selesema burung yang serius hampir di seluruh dunia ketika ini.

Sementara itu, Mohamad memberitahu, bekalan ayam di seluruh negara ketika ini adalah stabil untuk kegunaan orang ramai dan boleh dibeli di mana-mana sahaja kedai atau premis yang menjualnya.

Dalam pada itu, menyentuh tentang isu kekurangan bekalan telur, katanya, ia akan selesai dalam masa terdekat.

"Insya-Allah sedang pulih. Masalah benda hidup ini kita tidak boleh letak tarikh (selesai), tetapi kita sedang berusaha. Jalan raya, kita boleh cakap jalan ini siap pada bulan Julai," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/1/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 7 |

Penularan wabak selesema burung

# Kerajaan pastikan bekalan ayam negara tak terjejas

**Alor Setar:** Kerajaan mengambil langkah berjaga-jaga memastikan bekalan ayam dalam negara tidak terjejas susulan penularan wabak selesema burung yang dilapor di Amerika Syarikat (AS) dan Eropah ketika ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu, berkata pihaknya sentiasa meneliti dan memantau perkembangan terkini penularan wabak berkenaan, walaupun Malaysia belum lagi mencatatkan sebarang kes berkaitan selesema burung.

"Kita melihat dan meneliti masalah ini (wabak selesema burung) dari semasa ke semasa, memang buat masa sekarang keadaan (bekalan) ayam adalah stabil dan bagi masa akan datang, kita harap ia (bekalan) terus stabil.

"Setakat ini, wabak selesema burung ini belum beri kesan kepada bekalan ayam negara," katanya ketika ditemui selepas melawat Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan media bahawa negara bakal berdepan ancaman keselamatan makanan serius berikutan bekalan ayam seluruh negara dijangka menyusut 40 peratus menjelang Jun tahun ini.

Penyusutan itu, jika benar-benar berlaku, akan menyaksikan bekalan ayam di pasaran berkurangan daripada 2.2 juta ekor sehari, kepada cuma 1.3 juta ekor, iaitu kekurangan 900,000 ayam.

## Eropah, AS terjejas

Sumber industri ternakan ayam mendedahkan, isu kekurangan bekalan protein itu berlaku kerana penularan wabak selesema burung yang serius di hampir seluruh negara di hemisfera utara, terutama di Eropah dan AS.

Difahamkan, Malaysia bergantung kepada import ayam pembiak baka daripada Kesatuan Eropah (EU) dan AS, namun negara berkenaan dijangka mengetatkan eksport bahan berkenaan lantaran wabak yang mampu mengancam nyawa manusia.

Sementara itu, Mohamad memaklumkan kerajaan memberi jaminan bahawa bekalan ayam dan telur tempatan kini dalam proses pemulihan dan dilaksanakan secara berperingkat.

"(Bekalan) ayam dan telur sedang pulih, masalah benda hidup ini kita tak boleh letak tarikh (bila akan selesai), namun kita sedang berusaha.

"(Contoh) jalan raya, kita boleh cakap jalan ini siap pada Julai, tetapi hal makanan ini kita jamin ia ada (di pasaran) dan harganya ikut pasaran pada waktu itu. Ini soal benda hidup, setakat ini kita tidak ada masalah bekalan," katanya.




*Mohamad melawat Pusat Jualan Ayam Bismi di Simpang Empat, Alor Setar, semalam.*
(Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/1/2023 | THE SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 3 |

# Chicken supply unaffected by bird flu outbreak

**ALOR STAR:** The supply of chicken would be unaffected by the bird flu outbreak in the United States and Europe, said Agriculture and Food Security Minister Mohamad Sabu.

He said although there were no cases reported in the country, the ministry is constantly monitoring the situation.

"The supply of chicken in the country is stable, and we hope that this would continue in the future," he said after visiting a chicken breeding, processing and distribution company yesterday.

Mohamad was responding when asked if chicken supply in the country would be affected due to the outbreak in several countries, which resulted in the culling of tens of thousands of chickens to curb the spread of the virus.

He also said the supply of chicken and eggs in the country is beginning to recover and would take some time to stabilise as it involves the rearing of animals.

On targeted subsidies for chicken breeders, Mohamad said the matter is being discussed with several other ministries, including the Finance Ministry and the Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

"We are in the final stage of reviewing the matter and it is expected to be announced soon," he said. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/1/2023 | NST | NEWS | 5 |

FINAL DISCUSSION STAGE

# GOVT TO REVEAL NEW TARGETED SUBSIDY

## Minister also says overall supply of chicken, eggs expected to stabilise soon

ADIE ZULKIFLI
**ALOR STAR**
news@nst.com.my

THE government is expected to announce the targeted subsidy mechanism for chicken and egg producers soon.

Agriculture and Food Security Minister Mohamad Sabu said the matter had reached the final stage of discussion involving several ministries.

"It is being discussed with several ministries including the Finance Ministry and the Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

"The subsidy has been in place for some time now, but there were requests recently for the subsidy to be reviewed and turned into targeted subsidy.

"*InsyaAllah* (God willing) it will be announced soon," he said after his working visit to Ayam Bismi headquarters here yesterday, which was part of his three-day work visit to Kedah.

"We will ensure that the subsidies will reach the industry players.

"If there is any complaint, our officers will act on it."

Mohamad added that the overall supply of chicken and eggs nationwide was expected to be stabilised soon.

However, he said the ministry did not set a specific time frame for the supply to be fully restored.

"The thing with livestock is that we can't fix a specific date (for full supply recovery), but we are trying.

"This is unlike road construction, where we can say it will be completed by July, but for food supply, we can only assure that it will be available and the price will be set according to the market price," he said.

On Saturday, the ministry issued a statement that the supply of chicken and eggs would return to normal and be sufficient for the domestic market from this month.

The ministry was reported as saying that the assurance was given by the Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia (FLFAM) at a meeting between the ministry and the federation in Putrajaya on Thursday.

According to the statement, the meeting was held to discuss the FLFAM memorandum in relation to issues affecting the sustainability and competitiveness of the poultry industry, in particular chickens and eggs.

The association had also raised other related issues, including price controls imposed by the government, which were causing losses to farmers in the long term as production costs continue to rise.

Meanwhile, Mohamad said chicken supply for the domestic market would not be affected by the bird flu outbreak in the United States (US) and Europe.

He said the ministry was keeping tabs on the bird flu outbreak in the northern hemisphere.

"The (chicken) supply is stable and we hope it will continue to stabilise.

"For now, Malaysia is not affected (by the bird flu outbreak), and the supply is recovering."

Mohamad was responding to a Malay daily report yesterday which reported that the country would be facing a serious food security threat should the domestic chicken supply drop by 40 per cent come June.

The report, quoting sources from the chicken breeder industry players, claimed that the threat could come from the serious outbreak of bird flu in the West.

The sources had claimed the disruption would reduce daily chicken supply in domestic market from 2.2 million birds daily to 1.3 million birds daily.

The sources were reported as saying Malaysia relied on parent stock from the US and European countries, but the supply could be affected by the countries' move to impose stringent export conditions following the outbreak of the virus.

It was also reported that out of 22 local companies which produced parent stock, 10 of them were relying on parent stock imported from the northern hemisphere, especially European nations.




*Agriculture and Food Security Minister Mohamad Sabu checking fresh chicken supply during a working visit to Ayam Bismi headquarters in Alor Star, Kedah yesterday.* BERNAMA PIC

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/1/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 5 |

# 835 tan jagung dituai tahun lalu

**PUTRAJAYA:** Projek rintis penanaman jagung bijirin sebagai makanan untuk industri ternakan di seluruh negara mula menampakkan hasil positif sepanjang tahun lepas dengan merekodkan sebanyak 835 tan metrik komoditi tersebut dihasilkan.

Menurut Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), ia hasil pembangunan kawasan seluas 253 hektar meliputi beberapa negeri di bawah Dasar Agromakanan Negara antaranya projek rintis membabitkan keluasan lima hektar di Lembah Chuping bermula 2017.

Setahun kemudian, kementerian itu melaksanakan inisiatif memulakan kembali Projek Pembangunan Industri Jagung Bijian di bawah Program Sumber Kekayaan Baharu demi mengurangkan kebergantungan 100 peratus import bahan asas makanan haiwan tersebut.

Malah, pihaknya menyasarkan keluasan 500 hektar untuk dibangunkan sebagai ladang jagung bijian di seluruh Perlis menjelang 2025 kelak yang mana setakat ini, ia sudah mencapai seluas 164 hektar, selain turut dibangunkan di Kedah, Perak, Pahang dan Sarawak.

"Ada trend peningkatan dengan pihak swasta kerana harga jualan komoditi ini mencecah RM1,800 pertan," katanya dalam kenyataan semalam.

Kenyataan itu dikeluarkan selepas lawatan kerja Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Datuk Lokman Hakim Ali ke ladang itu di Perlis kelmarin.

Lokman Hakim dilaporkan optimis sasaran MAFS bagi penghasilan 30 peratus atau 600,000 tan metrik jagung bijirin dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Komoditi tersebut merupakan komponen amat penting bagi industri ternakan yang meliputi hingga 60 peratus dalam dedak dan sekali gus mampu mengurangkan kos penternakan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/1/2023 | KOSMO | NEGARA | 14 |



NORIZHAM menyembur racun kulat setelah bunga harumanis ditimpa hujan di Kampung Behor Inai di Kangar, semalam.



KEADAAN bunga harumanis yang rosak setelah beberapa hari ditimpa hujan.

Bunga mekar menjadi rosak akibat ditimpa hujan berterusan di Perlis

# Bimbang hasil harumanis terjejas

**Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR**

**KANGAR** – Rata-rata pengusaha harumanis di negeri ini bimbang hasil tanaman itu terjejas berikutan cuaca hujan berterusan sepanjang bulan ini.

Presiden Persatuan Pengusaha Harumanis, Datuk Hashim Suboh berkata, pada musim Monsun Timur Laut, cuaca di Perlis lebih kering yang mana ia ideal bagi pokok harumanis untuk berbunga.

"Bagi pengusaha harumanis, hujan berterusan sangat mendatangkan kesan apabila bunga yang mekar begitu banyak bakal rosak.

"Setakat ini belum ada jalan penyelesaian yang tuntas dan berkesan bagi mengatasi perkara tersebut yang memberi kesan kepada pengeluaran hasil tanaman," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Katanya, beliau turut memohon Jabatan Pertanian negeri memberi tumpuan kepada usaha penyelidikan dan pembangunan di ladang dan bukannya kerja-kerja pemasaran yang sepatutnya dilakukan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Jabatan Pertanian, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), institusi penyelidikan serta Universiti Putra Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis sepatutnya memberi tumpuan khusus bagi mengatasi perkara ini sejak dahulu," ujarnya.

Sementara itu, seorang pengusaha harumanis di Kampung Behor Inai, di sini, Norizham Abdullah, 56, berkata, hujan akan menyebabkan bunga harumanis menjadi hitam dan rosak serta berkemungkinan diserang kulat.

Katanya, pengusaha kebun harumanis perlu berusaha lebih keras bagi memastikan bunga harumanis berputik ketika musim hujan yang memerlukan lebih kos, tenaga dan waktu.

"Berdasarkan pengalaman, setiap kali hujan turun, saya akan membilas bunga harumanis dengan air paip dan menyembur racun kulat, serangga dan vitamin bagi mengelakkan menjadi buruk dan kering.

"Kos digunakan untuk sekali menyembur racun adalah sekitar RM200 bagi 80 hingga 100 pokok dan sepanjang Januari ini, saya telah melakukan aktiviti meracun lebih lima kali," jelasnya.

Tambahnya, dia hanya berusaha dan melakukan ikhtiar bagi menyelamatkan bunga harumanis dan selebihnya menyerahkan kepada rezeki yang diberikan oleh Allah SWT.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/1/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 3 |

# Percepat atasi kos sara hidup tinggi

Pakar ekonomi gesa strategi baharu dirangka Rafizi perlu dilaksana selewatnya Mac ini

Oleh NAZRIN ZULKAFLI
SHAH ALAM

Pakar ekonomi berpendapat bahawa strategi baharu yang sedang dirangka Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli bersama kementerian lain untuk mengatasi kos sara hidup meningkat perlu dilakukan segera.

Pakar ekonomi daripada University College i-CATS Kuching, Profesor Datuk Dr Shazali Abu Mansor berkata, perkara tersebut selewat-lewatnya perlu dilaksanakan pada Mac ini.

"Bagi masa dalam sebulan lagi mereka rangka dan sebagainya untuk laksanakan perkara ini. Namun, ia tidak boleh mengambil masa yang lama sehingga bulan April dan ke atas.

"Ini kerana, rakyat ketika ini sangat terbeban. Ramai yang sudah tidak tahan lagi dengan kenaikan harga barang," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Rafizi ketika sidang akhbar pada Rabu berkata, kerajaan menerusi kerjasama beberapa kementerian sedang merangka strategi baharu dalam mengatasi isu kos sara hidup antaranya adalah rantaian makanan dan menambah sumber bekalan di dalam negara.





SHAZALI


NUNGSARI


ZOUHAIR

Jelas Rafizi, ia membabitkan pelan strategi jangka pendek dan panjang yang akan diumumkan dalam masa terdekat.

Menurut Rafizi, kementeriannya dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Sara Hidup (KPDN), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Kementerian Kewangan (MOF) dan agensi berkaitan sedang meneliti langkah ke arah jaminan bekalan makanan bagi memenuhi permintaan seterusnya membantu mengawal kenaikan harga.

Tambah Shazali, antara perkara yang boleh dititikberatkan dan dimasukkan ke dalam kerangka itu adalah memberi bantuan bersasar seperti pemberian baucar kepada golongan tidak berkemampuan.

"Negara luar banyak beri baucar makanan. Ini saya lihat sangat bagus untuk lakukan sebab orang tertentu sahaja yang boleh dapat dan gunakannya. Jadi, mereka yang mampu, beli guna duit sendiri," jelasnya.

Turut menyokong perkara sama, pakar ekonomi, Dr Nungsari Ahmad Radhi berkata, bagi jangka masa pendek, kerajaan perlu membantu secara terus kepada isi rumah yang terjejas bagi memastikan pemakanan mereka terjaga.

Nungsari turut berpendapat bahawa kerajaan perlu lebih cekap berbanding pengimport dalam menambah pengeluaran dalam negara.

"Ini sepatutnya menjadi sebahagian dasar sekuriti makanan yang lebih meluas, melampaui soal inflasi," jelasnya.

Sementara itu, Penyelidik Kanan DM Analytics, Zouhair Rosli berkata, antara perkara lain yang perlu diambil kira adalah melakukan kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia (KSM) dengan meningkatkan gaji minimum.

"Gaji kita sekarang memang sedia ada rendah. Bila ada kenaikan barang sikit pun dah terasa.

"Perkara pokok isu ini pada pendapat saya adalah gaji sebenarnya," jelas beliau.

**INFO HARGA BARANG MINGGU INI**

| BARANG | HARGA |
|---|---|
| Ayam proses standard | RM7.99 |
| Kangkung | RM3.99 |
| Kubis bulat- tanah tinggi | RM4.00 |
| Sawi hijau | RM5.00 |
| Cili Merah Kulai | RM12.49 |
| Bawang besar merah - India | RM2.78 |
| Bawang kecil merah - India | RM10.90 |

*Sumber: PriceCatcher Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/1/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 2 |

# Empat kementerian akan duduk semeja

## Kerajaan bakal umum strategi baharu atasi kos sara hidup

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMMAD ADNAN
PUTRAJAYA

LAPORAN MUKA DEPAN

FOTO: BERNAMA



Kerajaan wajar mengumumkan rancangan yang signifikan untuk mengatasi isu kos sara hidup yang semakin membebankan rakyat ketika ini.

Kerajaan menerusi kerjasama empat kementerian sedang merangka strategi baharu sebagai usaha mengatasi isu kos sara hidup yang semakin menekan rakyat.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, ia membabitkan pelan strategi jangka pendek dan panjang yang akan diumumkan dalam masa terdekat.

"Antaranya adalah (isu) rantaian makanan dan menambah sumber bekalan di dalam negara," katanya semasa sidang akhbar di kementeriannya di sini pada Rabu.



RAFIZI

Turut hadir Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Menurut Rafizi, kementeriannya dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Sara Hidup (KPDN); Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS); dan Kementerian Kewangan (MOF) serta agensi berkaitan sedang meneliti langkah ke arah jaminan bekalan makanan bagi memenuhi permintaan seterusnya membantu mengawal kenaikan harga.

Beliau memberi contoh peningkatan harga akibat permintaan tinggi terhadap cili Vietnam dalam tempoh dua bulan lalu dan perkara itu boleh diatasi dengan penanaman cili secara komersial.

"Dari segi pelaksanaan, perlu dipastikan agar kita tidak hanya suruh orang tanam cili semata-mata tetapi perlu menyediakan pasaran buat petani," jelasnya.

Rafizi berkata, terdapat beberapa projek perintis yang dilakukan kerajaan dan bakal diperluas ke seluruh negara melalui strategi tersebut namun ia menggunakan pendekatan berbeza daripada kelaziman.

"Selalunya kalau diberikan insentif, ia cukup untuk tanam sahaja, selepas itu pandai-pandailah dia (petani). Saya tidak yakin perkara itu akan membantu kelangsungan mereka yang terlibat," katanya.

Ujar beliau, dalam usaha mewujudkan rantaian bekalan makanan yang stabil, kerajaan akan turut melibatkan golongan miskin tegar agar mereka mempunyai pendapatan tambahan dalam aktiviti berkaitan rantaian makanan.

"Kita akan pastikan (produk) mereka mempunyai permintaan tetap," katanya.

Ditanya adakah kerajaan sedia bekerjasama dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan pengendali koridor ekonomi, Rafizi berkata: "Pengendali koridor ekonomi seperti Iskandar Malaysia, Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) sudah mendapat arahan dan mandat ini adalah tumpuan utama."

Beliau menjelaskan, agensi pelaksana kini sedang dalam proses untuk mengembangkan lagi projek yang berkaitan dengan nilai rantaian makanan.

"Mereka juga sedang mengenal pasti tanaman baharu untuk dipadankan dengan tanah, penerima, pengusaha dan pembeli," beritahu Rafizi.

Tambah beliau, beberapa cadangan berkaitan pelaburan berimpak tinggi dalam sektor-sektor makanan terutama yang bersifat huluan dijangka dikemukakan oleh GLC kepadanya.

"Kita sudah duduk berbincang dan sedang menunggu mereka kembali dengan beberapa cadangan," katanya.